

REAKSI ORANG MUDA


Antara maklumat dan laporan dalam blog, laman sosial (Facebook/Twitter) dan akhbar, manakah lebih dipercayai dan berintegriti?



"Maklumat dan laporan dalam akhbar lebih diyakini berbanding maklumat dipaparkan di dalam blog dan laman sosial.


Maklumat di dalam laman sosial bebas ditulis oleh sesiapa pun walaupun penulis tersebut tidak mempunyai pendidikan formal kewartawanan mahupun etika berbanding penulis di ruangan akhbar yang kita sedia maklum bahawa sekiranya menulis sewenang-wenangnya, mereka akan diambil tindakan."

NUR ALIYAH MISRI
Universiti Teknologi Mara



"PADA pendapat saya semestinya akhbar merupakan sumber yang boleh dipercayai dan ketelusan maklumat diyakini. Media sosial seperti Facebook, Twitter, blog boleh dipengaruhi oleh perkara-perkara yang tidak berasas dan sumbernya tidak sah."

NURFARAHINI MOHAMED ZUKI
Universiti Pendidikan Sultan Idris



"PADA pendapat saya, akhbar lebih dipercayai kerana fakta dan maklumatnya kukuh berbanding berita

di dalam laman sosial kerana kebanyakannya tidak benar dan mendatangkan fitnah."

OSBORNE PANUS JATAN
Universiti Selangor

"Rakyat bergantung kepada pengamal media untuk mengetahui perkembangan semasa. Dengan kata lain, selain berperanan sebagai watchdog, pengamal media seharusnya melaporkan berita boleh dipercayai dan tidak boleh menyampaikan maklumat tanpa fakta yang benar."



LUQMAN HAKIM MOHD. SORI
Universiti Kebangsaan Malaysia



"Sejujurnya, akhbar lebih sesuai bagi golongan dewasa manakala golongan muda lebih gemar menggunakan laman sosial. Oleh demikian, saya sebagai mahasiswa lebih memilih laman sosial sebagai medium pengetahuan dan perolehan maklumat secara pantas. Rakyat yang bijak tidak akan hanya menilai berita melalui satu sumber sahaja."

NUR ASHILAH AB. MALEK
Universiti Putra Malaysia



"Maklumat dan laporan yang masih boleh dipercayai dan integriti di tahap tinggi adalah melalui akhbar kerana medium ini mempunyai barisan wartawan yang sudah dilatih dan mempunyai etika kewartawanan untuk membuat liputan berita secara langsung dan melaporkan berita sama ada secara dalam talian atau di dada akhbar."

NUR SYAEDAH KAMI
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

"Akhbar adalah sumber rasmi yang boleh dipercayai berdasarkan kajian wartawan dan ilmuwan manakala maklumat dalam laman sosial kebanyakan datang daripada sumber yang diragui dan belum tentu kesahihan fakta."



AHMAD HUSNA MOHAMED
Universiti Malaysia Kelantan